

SOALAN NO : 15**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]
TARIKH : 6 MAC 2018
SOALAN : 15

YB Datuk Aaron Ago Anak Dagang [KANOWIT] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dasar bantuan atau subsidi perubatan terutama kepada pesakit-pesakit kronik atau pesakit yang menghidap non-communicable diseases. Berapakah jumlah peruntukan dan jumlah pesakit yang menggunakan bantuan/subsidi ini setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempunyai mekanisme dalam membantu pesakit-pesakit yang tidak mampu dan kurang berkemampuan melalui Tabung Bantuan Perubatan (TBP). Tabung ini ditubuhkan sejak 2005 untuk membiayai sebahagian atau sepenuhnya kos rawatan dan perubatan penyakit kronik yang boleh dirangkumkan dalam pelbagai disiplin seperti kardiologi, ortopedik, otorinolaringologi (ENT), rehabilitasi dan sebagainya. Bantuan ini juga adalah termasuk kos ubat-ubatan yang tidak disediakan oleh pihak Hospital Kerajaan.

Sejak tahun 2014, KKM menerima peruntukan sebanyak RM40 juta setahun bagi tujuan ini.

Selain itu, Kerajaan juga melalui KKM telah menyediakan subsidi bagi pesakit miskin dan kurang berkemampuan yang mendapat rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) dengan menanggung sepenuhnya atau sebahagian dari kos perubatan dan rawatan tertakluk pesakit memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan melalui peraturan yang berkuatkuasa. Perbelanjaan di bawah subsidi ini pada tahun 2017 adalah sebanyak RM465,076,528.00.

Manakala bagi pesakit buah pinggang yang kurang berkemampuan, Kerajaan telah memberikan Bantuan Subsidi Rawatan Hemodialisis dan Suntikan Erythropoietin bagi menjalani rawatan hemodialisis di pusat hemodialisis Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar dengan KKM bagi skim subsidi dialisis iaitu terdiri daripada 122 pusat dialisis yang dikendalikan oleh 62 pertubuhan NGO. Bagi tahun 2017 sahaja, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM21.97 juta untuk membiayai subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin ini.

Bantuan subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin adalah pada kadar RM50 untuk setiap rawatan dialisis dan RM18.50 untuk setiap suntikan erythropoietin. NGO yang terlibat tidak dibenarkan menaikkan kos rawatan hemodialisis walaupun pesakit telah mendapat subsidi dan kos rawatan yang ditanggung oleh pesakit sendiri tidak boleh melebihi RM60 untuk setiap rawatan.

Bagi tahun 2018, seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam ucapan bajet, bantuan subsidi rawatan hemodialisis telah dinaikkan ke kadar RM100 bagi setiap rawatan dan pesakit hanya perlu membayar RM10 sahaja bagi setiap sesi rawatan daripada keseluruhan kos RM110 termasuklah kos suntikan erythropoietin sebanyak RM18.50 ketika membuat rawatan di pusat hemodialisis NGO yang berdaftar dengan KKM. Dianggarkan sejumlah 3,000 pesakit buah pinggang yang kurang berkemampuan dapat menerima manfaat daripada bantuan subsidi ini.

Bagi pesakit yang menghadapi non-communicable diseases seperti hypertension, diabetes, tahap kolestrol yang tinggi dan lain-lain, fasiliti di bawah KKM mengenakan kadar caj yang bersubsidi tinggi. Misalnya di klinik kesihatan pesakit ini hanya dikenakan caj RM1 untuk pendaftaran, siasatan, perawatan dan ubat-ubatan. Kadar bersubsidi tinggi ini juga dikenakan di hospital sekiranya pesakit memerlukan rawatan pakar dan caj pendaftaran yang dikenakan adalah RM5 sahaja.